

Newspaper	Berita Harian
Date	13/3/2013

20 NASIONAL


RABU 13 MAC 2013

BH

Oleh Veena Rusli, Wan Faizal Ismayatim, Syuhada Choo Abdullah, Hassan Omar, Suzianah Jiffar, Amin Ridzuan Ishak, Safeek Affendy Razali, Mohd Izham Unip Abdullah, Poliana Ronnie Sidom, Willie Jude Junaidi, Badrul Hizar Ab Jabar, Mohd Fahmi Mohd Yusof, Syed Mohd Ridzuwan Syed Ismail, Hazwan Faisal Mohamad, Mohd Nasaruddin Parzi, A Samad Manaf, Wan Kemat dan Omar Osman bhnews@bharian.com.my

BH-13/3/2013

Pertempuran 6 jam



Koperal Khairul Anuar yang cedera dilaporkan stabil.

» Seorang tentera maut, dua penganas Sulu dibunuh

Lahad Datu

Seorang tentera terkorban manakala seorang cedera dalam pertempuran dengan penganas Sulu di Kampung Sungai Nyamuk, berhampiran Kampung Tanjung Batu dekat sini, semalam.

Bagaimanapun, dua penganas Sulu turut dibunuh ma-

nakala seorang lagi dipercayai cedera tetapi dibawa lari rakannya ketika Ops Daulat memasuki hari kelapan dengan pertempuran bermula jam 7.45 pagi hingga 1.50 tengah hari.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hamza Taib, berkata pasukan keselamatan menggerakkan operasi mencari dan menggeledah di Kampung Sungai Nyamuk sebelum pertempuran itu bermula.

"Seorang anggota tentera kita gugur manakala seorang lagi cedera dan dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan," katanya pada sidang media di FELDA Sahabat 16 dekat

sini, malam tadi.

Anggota keselamatan yang terkorban dikenal pasti sebagai Prebet Ahmad Hurairah Ismail, 24.

Hamza berkata, jenazah Allahyarham diterbangkan dari Lapangan Terbang Tawau ke Pengkalan Chepa, Kelantan dan dijangka tiba pagi ini.

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, pada sidang media di Kuala Lumpur, berkata, mangsa adalah dari Batalion Ke-7 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Kem Kukusan Tawau dan berasal dari Pasir Mas, Kelantan.

Kematian pertama tentera Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin pada sidang media bersama Tan Sri Muhyiddin Yassin pada program lawatan Timbalan Perdana Menteri di pusat penempatan sementara penduduk di Chenderawasih, dekat sini pagi semalam berkata, pasukan keselamatan bertembung penganas jam 7.45 pagi.

"Di situ berlaku pertempuran dan musuh melarikan diri. Anggota pasukan keselamatan menjejaki musuh dan sekali lagi bertempur pada jam 10.45 pagi sebelum Prebet Ahmad Hurairah gugur," katanya.

Anggota tentera yang cedera dikenali sebagai Koperal Khairul Anuar dan dirawat di Hospital Duchess of Kent. Keadaannya dilaporkan stabil.

Kematian Allahyarham Ahmad Hurairah adalah kes pertama pasukan ATM sejak Ops Daulat dilancar 5 Mac lalu.

ASKAR MAUT TRAK TERBARAS MUKA 10